

Tuntutan 40 peratus hasil Sabah

Mesyuarat khas muktamad pendirian kerajaan hari ini

Kabinet dengar pandangan AG sebelum buat keputusan sama ada failkan rayuan atau tidak

Oleh Abdul Bahemang Taiming
bhnews@bh.com.my

Tawau: Mesyuarat Khas Jemaah Menteri hari ini, akan memuktamadkan pendirian sama ada kerajaan mahu mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu berkaitan pemulangan hak 40 peratus hasil Sabah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, dalam mesyuarat yang berlangsung hari ini, kerajaan akan mendengar pandangan Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang sebelum membuat keputusan sama ada memfailkan rayuan atau sebaliknya.

"Saya sudah panggil mesyuarat esok. Kita dengar dulu penjelasan Peguam Negara (AG), hendak rayu atau tidak, tunggu esok (hari ini).

"Bagi saya, kalau tidak rayu pun tidak mengapa tetapi keputusan muktamad dibuat selepas kita dengar dan bincang bersama semua ahli Jemaah Menteri," katanya ketika berucap pada program Jelajah Malaysia Digital di sini semalam.

Perdana Menteri menegaskan bahawa terdapat kekangan dan

keterbatasan dalam isu berkenaan ketika ini, namun berharap semua pihak memahami situasi terbabit.

"Soalnya, mahkamah arah untuk runding. Saya kata baik, kita akan runding tetapi hari ini hendak runding dengan siapa? Kerajaan sekarang hanyalah kerajaan sementara (*caretaker government*). Tunggu pilihan raya, selepas kerajaan baharu dibentuk, saya akan arahkan rundingan dimulakan segera," katanya.

Ketika mengulas kepada media mengenai tindakan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedict, meletak jawatan Menteri Kabinet, Anwar berkata, beliau memahami keresahan isu rayuan itu, namun menyifatkan langkah dibuat Ewon terlalu awal.

"Dia (Ewon) tahu kita belum muktamadkan isu rayuan itu kerana secara proses biasa, mana-mana penghakiman peringkat Mahkamah Tinggi, terutama bila ada beberapa kelompongan, biasanya ada ruang untuk rayuan.

"Tetapi dalam kes ini, kerana

mandamusnya melibatkan rundingan, mungkin ada ruang untuk pertimbangan lain. Pandangan peribadi saya lebih cenderung untuk elak daripada merayu itu sudah saya jelaskan," katanya.

Komited laksana MA63

Anwar turut menegaskan Kerajaan MADANI pimpinannya kekal komited dan lebih tegas dalam melaksanakan tuntutan berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), selain memastikan peruntukan kepada Sabah lebih kukuh dan terjamin berbanding sebelum ini.

"Sebab itu saya katakan kempen mesti berdasarkan fakta. Kalau hanya berdasarkan sentimen untuk marah, ia boleh memrangkap kita sendiri," katanya.

Ewon dilaporkan meletak jawatan Menteri susulan keputusan AGC untuk meneliti alasan penghakiman Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu berhubung pemberian khas kepada Sabah sebelum membuat keputusan sama ada mengemukakan rayuan atau sebaliknya.

Isu rombak Kabinet tiada dalam agenda

Tawau: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan isu rombakan Kabinet tidak termasuk dalam agenda Mesyuarat Khas Jemaah Menteri yang dipengerusikan beliau hari ini.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat hari ini sebaliknya akan mendengar pandangan Peguam Negara berhubung keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu berkaitan pemulangan hak 40 peratus hasil Sabah.

Isu rombakan Kabinet menjadi tumpuan ketika ini berikutan tindakan beberapa menteri yang meletakkan jawatan sebelum ini, selain ada menteri bakal menamatkan tempoh penggal sebagai Ahli Dewan Negara dalam tempoh terdekat.